



IIUM INDIGENOUS GAMES 2019

PERATURAN PERMAINAN TUJU SELIPAR

1. Jumlah bilangan Pemain seramai adalah 6 orang bagi setiap pasukan. 5 pemain utama dan 1 pemain gantian.
2. Pasukan di wajibkan memakai baju yang seragam.
3. Permainan dijalankan dalam 2 babak (2 half) dengan masa **5 minit** untuk setiap babak (half) diikuti 1 minit masa rehat.
4. Untuk peringkat akhir masa permainan akan dijalankan selama **7 minit** untuk setiap babak. Masa rehar adalah sama.
5. Pasukan akan di bahagikan kepada 2 pihak iaitu **Pembina** dan **penyerang**.
6. 4 Selipar hendaklah disusun dengan keadaan berdiri dan 1 selipar digunakan sebagai senjata untuk membunuh pihak Pembina.
7. Kumpulan Pembina perlu membaling binaan selipar dan menyusun kembali selipar tersebut dalam masa yang ditetapkan.
8. Jika pembaling pertama Pembina gagal menjatuhkan binaan selipar itu, maka orang kedua hingga orang terakhir dalam kumpulan A boleh mencuba untuk menjatuhkan selipar itu.
9. Mata akan diberikan kepada pihak lawan seandainya kelima lima pemain Pembina gagal menjatuhkan binaan selipar.
10. Seorang pembaling hanya diberi peluang untuk membuat **2 balingan saja**.
11. Jika kesemua selipar berjaya dijatuhkan, kumpulan penyerang dikehendaki membuat balingan ke anggota badan kumpulan Pembina dengan menggunakan selipar yang di sediakan.
12. Paras balingan yang ditetapkan adalah dari paras bahu dan ke bawah.
13. Kumpulan penyerang perlu mengawal dan menghalang kumpulan Pembina dari menyusun selipar itu.
14. Ahli kumpulan Pembina yang memegang selipar untuk dibaling kepada kumpulan Pembina tidak dibenarkan bergerak dan perlu membalingnya selipar terlebih dahulu sebelum bergerak.
15. **5 mata** akan diberikan kepada pasukan yang berjaya membina semula selipar sebelum kesemua ahli kumpulan dimatikan.
16. Permainan akan diteruskan oleh pihak yang mendapat mata sehingga kesemua ahli mereka mati sebelum berpindah ke pihak lawan pula sebagai Pembina.
17. Selepas tamat masa, pasukan yang masih ada ahli yang belum dimatikan akan diberikan mata tambahan sebanyak 1 mata.
18. Mata tersebut akan di tambah dengan 5 mata kemenangan yang peroleh.